


38/KLIA/2025



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

SALAH GUNA PAS LAWATAN, TIGA WARGA ASING DITAHAN KERANA MENGEMIS DI KLIA

SEPANG, 12 Ogos 2025 – Tiga warga asing yang terdiri daripada dua warga Algeria dan seorang warga Iraq, ditahan kerana menyalahgunakan pas lawatan dengan menjalankan aktiviti mengemis di Balai Perlepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1), di sini, hari ini.

Penahanan itu dibuat dalam satu operasi pemantauan "Ulat KLIA" yang dijalankan oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dengan kerjasama Pasukan Keselamatan KLIA (AVSEC) antara jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Perbuatan mereka bukan sahaja melanggar syarat kemasukan ke Malaysia, tetapi turut menjejaskan imej negara serta mengganggu keselesaan penumpang di lapangan terbang. Ketiga-tiga mereka kemudiannya telah diserahkan kepada Bahagian Penguat kuasa Jabatan Imigresen (JIM) Negeri Selangor untuk siasatan dan tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang.

AKPS memandang serius sebarang bentuk pelanggaran permit atau penyalahgunaan pas pelawat, khususnya aktiviti yang mencemarkan nama baik negara.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/17-KARnrjQNryr_OiYqNIZeYsciBKurYw?usp=sharing

TAMAT

12 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI